

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB BUKAN LISAN  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2020)**

**PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHAN FOONG HIN [ KOTA KINABALU ]**

**SOALAN**

**TUAN CHAN FOONG HIN [ KOTA KINABALU ]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan statistik warga asing yang telah dihalang memasuki Malaysia atas sebab disyaki membawa virus COVID-19, mengikut kewarganegaraan dan tempat masuk. Nyatakan statistik warganegara Malaysia yang disahkan menghidapi virus COVID-19 di luar negara mengikut negara, dan apakah usaha Kerajaan Malaysia membantu mereka.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Kota Kinabalu atas pertanyaan yang dikemukakan.

**Tuan Yang di-Pertua,**

2. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sehingga 30 Jun 2020, sebanyak 456 kes warganegara Malaysia yang dijangkiti COVID-19 telah dilaporkan di 24 buah negara. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 371 kes telah dilaporkan pulih. Sebanyak enam (6) kes dilaporkan meninggal dunia, meskipun punca kematian bagi tiga (3) kes tersebut bukan disebabkan oleh COVID-19.

3. Senarai lima (5) buah negara yang merekodkan bilangan tertinggi warganegara Malaysia yang dijangkiti COVID-19 adalah Singapura (321

kes), Qatar (37 kes), Indonesia (22 kes), Emiriah Arab Bersatu (14 kes) dan Kemboja (13 kes).

**Tuan Yang di-Pertua,**

4. Kementerian Luar Negeri melalui Perwakilan-Perwakilan Malaysia di luar negara sentiasa prihatin tentang keadaan warganegara Malaysia yang dijangkiti pandemik COVID-19 di luar negara.
5. Perwakilan-Perwakilan kita sentiasa memantau kes-kes warganegara Malaysia yang positif COVID-19 yang menerima rawatan dan menghulurkan bantuan konsular yang sewajarnya. Bantuan ini termasuklah menyelaraskan urusan-urusan yang berkaitan dengan pihak berkuasa tempatan serta memudah cara urusan logistik bagi membolehkan mereka pulang ke Malaysia setelah pulih sepenuhnya.
6. Merujuk kepada persoalan statistik warga asing yang dihalang daripada memasuki Malaysia kerana disyaki membawa virus COVID-19, Yang Berhormat Kota Kinabalu boleh merujuk kepada Kementerian atau agensi yang berkaitan bagi mendapatkan maklumat tersebut.

Sekian, terima kasih.